

KPDNHEP sita RM1 juta barangan kawalan

Yatimin Abdullah
07 September 2019 4:12 PM



ADNAN Abd. Rahman (dua kanan) menyerahkan tiket kepada para pemenang peraduan anjuran Caltex sempena pembukaan Stesen Minyak Caltex Bumi Emas Sdn. Bhd di Pengkalan Pasir di sini hari ini.

PASIR MAS 7 Sept. - Pelbagai jenis barangan kawalan bernilai RM1 juta yang cuba diseludup ke Thailand berjaya disita oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNHEP) sepanjang Januari hingga 31 Ogos lalu.

Pengarah KPDNHEP negeri, Adnan Abd Rahman berkata, kejayaan itu hasil kerjasama erat antara pihaknya dengan agensi penguatkuas di sempadan Malaysia-Thailand bermula dari Pengkalan Kubor sehingga Jeli.

Menurutnya, jumlah sitaan itu menunjukkan pertambahan berbanding tahun lalu hanya berjumlah RM690,515.65.

"Antara barangan kawalan yang berjaya kita sita sepanjang operasi itu ialah petrol, diesel, minyak masak (pakat), gandum dan banyak lagi.

"Kejayaan itu melonjakkan lagi semangat kami untuk terus melipat gandakan operasi bagi memastikan aktiviti penyeludupan berjaya dikekang," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan pembukaan Stesen Minyak Caltex Bumi Emas Sdn. Bhd di Kampung Pengkalan Batu dekat sini hari ini.

Yang turut hadir Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pengkalan Pasir Datuk Hanifa Ahmad; Pengurus Besar Kumpulan Bumi Emas; Che Din Mohamad serta Pengurus Runcit Kawasan-Utara dan Pantai Timur Faizah Abdul Samad.

Adnan memberitahu, pihaknya sama sekali tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang terlibat menjalankan kegiatan menyalahi undang-undang negara.

Tambahnya, agensi itu berharap orang ramai dapat memberikan kerjasama menyalurkan maklumat sekiranya mereka ternampak aktiviti penyeludupan berlaku. - UTUSAN ONLINE

